

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 PERNYATAAN MASALAH

Petempatan kampung air merupakan pola petempatan maritim tradisi di rantau Asia Tenggara yang masih kekal hingga ke hari ini. Sebahagian besar petempatan kampung air terletak di Kepulauan Sulu, Kepulauan Sulawesi, Kepulauan Riau dan Pulau Borneo. Di Pulau Borneo, lokasi petempatan kampung-kampung air yang utama terletak di Samarinda, Balikpapan, Banjarmasin, Ketapang, Pontianak dan Sambas.

Selain lokasi-lokasi di atas, petempatan kampung air juga terdapat di Negara Brunei Darussalam. Petempatan kampung air yang terbesar di negara ini terletak di bahagian muara Sungai Brunei dan ia lebih dikenali dengan panggilan 'Kampong Ayer'. Perlu juga dijelaskan bahawa Kampong Ayer Brunei Darussalam (KABD) merupakan petempatan kampung air yang termaju dan termoden di Pulau Borneo.¹

Di Sabah, petempatan kampung-kampung airnya terletak di Pitas, Kudat, Kota Marudu, Kota Belud, Tuaran, Kota Kinabalu, Penampang, Papar, Beaufort, Kuala Penyu, Sipitang, Beluran, Sandakan, Lahad Datu, Semporna dan Tawau.² Manakala di Sarawak, sebilangan besar petempatan kampung-kampung airnya

terletak di muara-muara sungai utama negeri itu bermula dari Lundu, Kuching, Sarikei, Binatang, Sibu, Mukah, Bintulu, Miri, Limbang dan Lawas. Selain Sabah dan Sarawak petempatan kampung air juga terdapat di Wilayah Persekutuan Labuan.

Sehingga abad ke-17, komuniti maritim Asia Tenggara yang mendirikan petempatan kampung-kampung air telah mendominasi kawasan pinggir-pinggir pulau dan muara-muara sungai. Petempatan kampung air yang besar merupakan kota-kota kepada kerajaan maritim (*maritime kingdom*) bagi rantau ini.³ Sebahagian besar kerajaan maritim tersebut merupakan Kesultanan-kesultanan Melayu antaranya termasuklah Kesultanan Maguindanao, Kesultanan Ternate, Kesultanan Makassar, Kesultanan Cotabatu, Kesultanan Mempawah, Kesultanan Sambas, Kesultanan Pontianak, Kesultanan Ketapang, Kesultanan Banjarmasin, Kesultanan Samarinda, Kesultanan Sulu dan Kesultanan Brunei. Dalam pada itu, petempatan kampung-kampung air turut menjadi tempat tinggal bagi kesultanan-kesultanan yang lebih kecil.⁴ Menurut Thomas Forrest, terdapat sekurang-kurangnya 33 buah kesultanan kecil di sekitar Kepulauan Sulu dan utara Pulau Borneo pada tahun 1766.⁵

Sebelum bermulanya abad ke-20, kebanyakan kerajaan maritim di rantau ini yang berlatarbelakangkan kepulauan telah menjadikan laut sebagai asas perkembangan ekonomi dan pentas penguasaan politik.⁶ Kerajaan-kerajaan maritim tersebut dikuasai sepenuhnya oleh golongan bangsawan atau aristokrat. Golongan

bangsawan atau aristokrat yang menguasai sesebuah kerajaan maritim akan bertindak sebagai pengumpul dan pengedar sumber laut dan hasil hutan bagi wilayah dan jajahan takluk masing-masing.⁷ Dengan bertindak demikian golongan bangsawan atau aristokrat ini telah menjalin hubungan dengan kesultanan-kesultanan kecil yang memberi bekalan sumber laut dan hasil hutan. Selain itu, mereka juga mempunyai hubungan dengan masyarakat di pedalaman yang turut membekalkan hasil hutan.

Cara pengumpulan sumber laut seperti tripang, kulit penyu, sirip jerung dan mutiara; dan hasil hutan seperti rotan, sarang burung, damar serta kapur barus dilakukan dengan menggunakan tenaga hamba. Hamba-hamba ini bukan sahaja menjadi pemungut sumber laut dan hasil hutan bahkan mereka mengusahakan tanah pertanian dan menjadi tentera atau pengawal peribadi kepada golongan bangsawan atau aristokrat.⁸ Bilangan hamba menjadi kayu ukur kepada kekuatan dan keutuhan sesebuah kerajaan maritim itu.

Hamba dikuasai dan diawasi oleh golongan bangsawan atau aristokrat yang menjadi pemerintah di sesebuah kerajaan maritim itu. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, golongan bangsawan atau aristokrat merupakan orang yang bertanggungjawab mengawal dan mengendalikan kegiatan dalaman kerajaan maritim yang dikuasainya. Segala sumber laut, hasil hutan, hasil pertanian dan barang-barang pembuatan yang dikumpul dan dihasilkan oleh golongan hamba akan didagangkan oleh golongan bangsawan atau

aristokrat kepada kerajaan-kerajaan maritim yang terdapat di sekitarnya. Dengan kata lain di antara kerajaan-kerajaan maritim ini sudah wujud hubungan "pusat-pinggir".

Selain mengadakan hubungan dagang dengan penduduk di kawasan pedalaman, golongan bangsawan atau aristokrat turut memperdagangkan segala hasil mahsul yang dinyatakan di atas kepada saudagar-saudagar dari Benua China yang hadir ke kota-kota maritim. Hubungan perdagangan luar juga telah dilakukan dengan Benua India, Timur Tengah dan negara-negara Eropah seperti British, Belanda dan Sepanyol. Jelasnya, petempatan kampung air yang besar pada masa itu bukan sahaja menjadi pelabuhan perdagangan antarabangsa, malah menjadi sebuah *regional emporium* yang menemukan pedagang-pedagang dan barangan rantau ini dengan pedagang-pedagang dan barangan antarabangsa dari China, India, Timur Tengah dan Eropah.⁹

Kerajaan-kerajaan maritim di atas sebilangan besarnya adalah Kesultanan Melayu yang menganut, mengembang dan memperjuangkan agama Islam. Dengan demikian kerajaan-kerajaan maritim tersebut telah menjadi pusat penyebaran agama Islam di pinggir pantai seluruh rantau Asia Tenggara, khususnya di bahagian kepulauan. Keadaan ini menyebabkan penyebaran agama Kristian di rantau Asia Tenggara yang dilakukan oleh kuasa-kuasa Eropah seperti British, Belanda dan Sepanyol sepanjang abad ke-17 dan 18 gagal mendominasi kawasan pinggir pantai.

Bagi meluaskan lagi empayar yang dikuasai mereka, terdapat tiga cara yang dilakukan oleh pemerintah-pemerintah kerajaan maritim di atas. Pertama, melalui perkahwinan di kalangan anak pemerintah kuasa-kuasa tempatan. Cara ini bukan sahaja dapat membentuk sebuah empayar maritim yang lebih luas malah mengukuhkan lagi kekuatan ekonomi dan politik mereka melalui pertambahan dalam bilangan hamba yang dikuasai. Kobkua Suwannathat Pian menjelaskan:

"Amalan perkahwinan antara para ahli kerabat diraja Asia Tenggara pada zaman tradisional dapat juga dilihat sebagai usaha untuk mengeratkan hubungan persahabatan dan kekeluargaan di kalangan pusat kuasa itu, biasanya bagi tujuan memperkukuhkan kedudukan politik, ketenteraan dan ekonomi pihak-pihak yang terlibat."¹⁰

Kedua, dengan mengadakan hubungan dan menawarkan perlindungan kepada sesebuah kuasa tempatan yang lebih kecil. Kesultanan-kesultanan kecil yang ingin mendapatkan perlindungan perlu membayar ufti dalam bentuk hasil hutan.¹¹ Ketiga, melalui usaha penaklukan. Kesultanan-kesultanan kecil yang enggan membayar ufti dan mereka tidak mempunyai perlindungan daripada kuasa-kuasa besar lain akan diserang dan ditakluk.

Kehebatan kerajaan-kerajaan maritim di rantau Asia Tenggara pada abad ke-17 dan 18 bukan sahaja dari segi hubungan perdagangan malah menjadi pusat kepakaran dan kemahiran. Sesebuah kesultanan itu secara tradisi telah mempunyai dan melatih pakar-pakar khas serta tukang-tukang mahir dalam pelbagai bidang.

Usaha ini kemudiannya telah mewujudkan morfologi dan pembahagian kawasan mengikut kepakaran para penduduknya. Ini dibuktikan dengan lawatan Spencer St. John pada tahun 1862 ke Kampong Ayer yang merupakan pusat pemerintahan bagi Kesultanan Brunei pada ketika itu.¹²

Beliau telah mengenalpasti nama-nama kampung yang menggambarkan pekerjaan penduduknya. Misalnya Kampung Pandai Emas, Kampung Pandai Besi, Kampung Pemukat, Kampung Pameriok, Kampung Peminyak, Kampung Pekayu, Kampung Pasir, Kampung Labuan Kapal, Kampung Perambat, Kampung Menjaling, Kampung Saba dan Kampung Padaun. Pembahagian dan pengkhususan bidang pekerjaan telah memudahkan golongan bangsawan atau aristokrat yang memerintah sesebuah kerajaan maritim untuk mengawal serta mengendalikan kegiatan dalamannya.

Keutuhan dan kemakmuran kerajaan-kerajaan maritim di rantau Asia Tenggara pada abad ke-17 hingga 19 amat dicemburui oleh kuasa-kuasa Barat. Mereka bukan sahaja ingin berdagang malah ingin menjajah dan memonopoli segala sumber yang dikuasai sepenuhnya oleh kerajaan-kerajaan maritim. Untuk mencapai cita-cita tersebut, kuasa-kuasa Barat seperti Sepanyol, Inggeris dan Belanda akhirnya telah mengepung kota-kota maritim yang menjadi pusat-pusat perdagangan utama.

Dengan menggunakan kecanggihan teknologi senjata seperti meriam, senapang dan pistol, kuasa-kuasa Barat di atas

kemudiannya menyerang serta memusnahkan kota-kota maritim. Serangan angkatan laut kuasa-kuasa Barat telah menyebabkan berlakunya kemusnahan teruk dari segi struktur politik dan pentadbiran kerajaan maritim. Kerajaan-kerajaan maritim akhirnya lumpuh dan yang masih wujud tidak lagi mampu untuk bangkit semula sebagai sebuah kota maritim.

Selepas kuasa-kuasa Barat berjaya melumpuhkan kekuatan kerajaan-kerajaan maritim di atas, mereka tidak menumpukan perhatian kepada 'ekonomi kelautan' tetapi memberi tumpuan kepada ekonomi tanah daratan.¹³ Tumpuan terhadap pembangunan ekonomi tanah daratan dilakukan dengan tujuan mendapatkan bekalan bahan mentah seperti getah, bijih timah dan minyak bagi memenuhi keperluan revolusi industri yang berlaku di negara-negara Barat.¹⁴ Bidang-bidang pertanian, perlombongan dan pembuatan telah mula berkembang pesat di wilayah-wilayah bekas kerajaan maritim.

Mereka juga mewujudkan petempatan-petempatan baru di daratan dan membina serta mengembangkan sistem pengangkutan darat. Petempatan-petempatan baru ini kemudiannya nanti menjadi pusat pertumbuhan ekonomi (*growth pole*) dan juga pusat-pusat urban. Perkembangan ekonomi di tanah daratan telah menyebabkan kerajaan-kerajaan maritim yang telah pun lemah akibat serangan kuasa-kuasa Barat menjadi semakin lumpuh. Petempatan kampung air yang menjadi kota kepada kerajaan-kerajaan maritim mula

terpinggir dengan sendirinya dan wujud sebagai sebuah kawasan yang 'terasing'.

Dalam pada itu, petempatan kampung-kampung air yang masih wujud tidak lagi menjadi tempat tinggal bagi golongan bangsawan atau aristokrat yang mengawal sistem pentadbiran sesebuah kerajaan maritim dan mengendalikan perdagangan di peringkat antarabangsa. Sebaliknya, kampung-kampung air hanya didiami oleh golongan yang terlibat dalam ekonomi pinggir seperti nelayan-nelayan artisanal, peniaga-peniaga kecil, penambang-penambang dan pembuat-pembuat bot.¹⁵

Kuasa-kuasa Barat yang telah mengambil alih tampok pemerintahan kerajaan-kerajaan maritim telah membahagi-bahagikan kawasan di antara mereka.¹⁶ Konsep sempadan politik telah dibentuk bagi menentukan wilayah kekuasaan masing-masing. Pembahagian kawasan antara kuasa-kuasa Barat ini dapat dilihat daripada peristiwa yang berlaku kepada Kesultanan Brunei pada abad ke-19. Jajahan Sarawak telah diserahkan oleh Pengiran Muda Hashim (wakil Sultan Brunei di Sarawak) kepada pemerintahan Rajah Brooke sedikit demi sedikit antara tahun 1845 hingga 1890.¹⁷ Manakala jajahan Sabah pula diserahkan oleh Sultan Brunei Sultan Abdul Momin kepada Gustavus Baron de Overbeck dan Alfred Dent yang merupakan wakil *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) pada tahun 1877.¹⁸

Pembahagian wilayah-wilayah jajahan takluk Kesultanan

Brunei di atas telah memisahkan petempatan kampung-kampung air yang terletak di kawasan sempadan. Antaranya termasuklah petempatan kampung-kampung air di daerah Limbang, Sarawak yang terpisah dengan petempatan KABD. Walaupun dipisahkan oleh sempadan politik, penduduk di kedua petempatan kampung air tersebut tetap menjalin hubungan kerana secara keseluruhan mereka adalah bersaudara dan berasal dari keturunan yang sama. Dalam masa yang sama, mereka terus mengadakan hubungan perdagangan khususnya sumber perikanan dan hasil pertanian. Pengekalan kampung-kampung air di daerah Limbang dan hubungannya dengan KABD adalah terhasil daripada jalinan sosial yang mantap dan keperluan ekonomi antara satu sama lain.

Meskipun penduduk kampung-kampung air di daerah Limbang mempunyai hubungan rapat dengan penduduk KABD, masa depan kedua petempatan kampung air tersebut adalah berbeza. Ini kerana, pada masa kini polisi Kerajaan Negara Brunei Darussalam memperlihatkan usaha untuk mengekal dan memperbaiki keadaan petempatan KABD melalui rancangan pembinaan kampung air baru yang lebih indah dan tersusun. Sementara itu, petempatan kampung-kampung air yang sedia ada telah dimajukan dan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan infrastruktur seperti bekalan air, bekalan elektrik, sekolah, pejabat pos, balai bomba, masjid, surau dan lain-lain kemudahan. Pembangunan KABD bukan sahaja untuk memberi kesejahteraan hidup kepada rakyatnya tetapi untuk menarik minat

kemasukan para pelancong.¹⁹

Pendekatan Kerajaan Negeri Sarawak terhadap pembangunan kampung-kampung air di daerah Limbang amat berbeza dengan apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Di Sarawak, kampung-kampung air dianggap sebagai kawasan setinggian yang tidak dapat dimajukan dan menimbulkan banyak masalah seperti kawasan kotor yang menyebabkan pencemaran air serta penyakit berjangkit. Dalam pada itu, pembinaan rumah-rumah di kampung air yang terlalu rapat boleh menyebabkan kemusnahan teruk apabila berlaku kebakaran.

Keadaan dan tanggapan di atas menyebabkan pihak Kerajaan Negeri Sarawak bertindak untuk menghapuskan petempatan kampung-kampung air. Penduduk kampung-kampung air akan dipindahkan ke kawasan petempatan baru di darat. Kerajaan berpendirian kawasan-kawasan tersebut kemudiannya akan dibangunkan sebagai pusat-pusat perdagangan, perniagaan, rekreasi dan pelancongan yang lebih menguntungkan.²⁰

Petempatan kampung air di Negara Brunei Darussalam mengalami pendekatan pemuliharaan pada masa kini dan masa akan datang. Tetapi petempatan kampung air di daerah Limbang, Sarawak adalah sebaliknya. Walau bagaimanapun, penduduk di kedua petempatan kampung air tersebut mempunyai hubungan yang rapat khususnya dalam aspek ekonomi dan sosial. Perkara ini telah mendorong pengkaji untuk menyelidik secara lebih mendalam tentang

hubungan tersebut. Kajian ini perlu dijalankan segera sebelum petempatan kampung air terhapus dari pandang darat Negeri Sarawak amnya dan daerah Limbang khususnya.

1.1 TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dan meneliti **bentuk-bentuk** hubungan petempatan kampung air di Sarawak dengan petempatan kampung air di Negara Brunei Darussalam. Dalam hal ini, petempatan kampung air Kampung Seberang Kedai (KSK), daerah Limbang telah dijadikan sebagai kajian kes untuk memaparkan realiti hubungannya dengan KABD secara mendalam.

KSK dipilih kerana ia merupakan petempatan kampung air yang terbesar di daerah Limbang. Jarak di antara KSK dengan KABD dapat dihubungkan dengan mudah melalui jalan air kira-kira 15 km. Selain itu, penduduk KSK dan KABD juga boleh menggunakan jalan darat sepanjang kira-kira 55 km untuk berulang-alik.

Bagi mencapai tujuan kajian di atas beberapa objektif penting telah disusun sebagaimana yang dijelaskan di bawah:

Objektif pertama untuk mengkaji **latar belakang dan hubungan sejarah**. Kajian terlebih dahulu meneliti latar belakang sejarah hubungan kampung-kampung air di daerah Limbang dengan KABD semenjak daerah itu diperintah oleh Kesultanan Brunei hinggalah di bawah pentadbiran Kerajaan Malaysia. Hubungan sejarah kemudiannya dihuraikan secara khusus di kampung air KSK

dengan mengambil kira aspek sejarah pembukaan dan perkembangan rumah-rumah di kampung air tersebut. Dalam menghuraikan latar belakang sejarah, aspek taburan dan pola petempatan kampung air di daerah Limbang pada masa kini turut ditinjau.

Objektif kedua untuk mengkaji **hubungan petempatan**.

Kajian ini meneliti dan menghalusi ciri-ciri binaan di KSK dari aspek bahan binaan, saiz, seni bina dan rekabentuk rumah yang ada hubungannya dengan KABD. Bagi menjelaskan lagi realiti hubungan petempatan yang terjalin, kajian turut melihat aspek budaya dan tradisi membangun rumah di KSK bermula dari mencari tapak rumah hinggalah berpindah ke rumah baru.

Objektif ketiga untuk mengkaji **hubungan ekonomi**.

Fokus kajian adalah untuk meneliti hubungan pemasaran dan pengeluaran; pemodal dan pengusaha; penjual dan pembeli dalam aktiviti perikanan, perdagangan, pembuatan, pengangkutan dan pertanian antara penduduk KSK dengan KABD. Penelitian turut dilakukan ke atas aspek pendapatan.

Objektif keempat untuk mengkaji **hubungan sosial**.

Hubungan tersebut dikesan melalui aktiviti kunjung-mengunjung, majlis-majlis keramaian, upacara perayaan, permainan, hiburan, agama dan kepercayaan. Dalam hal ini, kajian melihat secara khusus kepada hubungan kekeluargaan dan kekerabatan. Kajian juga menyorot kepada aspek adat-istiadat penduduk KSK dalam upacara-upacara di atas yang ada hubungannya dengan KABD.

1.2 KAWASAN KAJIAN


Kajian secara terperinci telah dijalankan ke atas petempatan kampung air KSK, daerah Limbang. Kedudukan kampung air tersebut terletak bertentangan dengan Bandar Limbang dan hanya terpisah oleh Sungai Limbang. Gambar 1.0 menunjukkan KSK, manakala Gambar 1.1 menunjukkan Bandar Limbang. Ciri sebegini mempunyai persamaan dengan petempatan KABD yang lokasinya adalah bertentangan dengan Bandar Seri Begawan. Perbincangan lanjut tentang latarbelakang penduduk, ekonomi dan kepimpinan di KSK akan diuraikan dalam bab dua.

1.3 DEFINISI KAMPUNG AIR


Memandangkan di Pulau Borneo terdapat pelbagai bentuk kampung air, definisi kampung air ini sangat penting dan perlu difahami terlebih dahulu. Ini bertujuan supaya perbincangan yang diutarakan sentiasa berada dalam kerangka dan ruang lingkup yang jelas.

Menurut Mohammad Raduan Mohd. Ariff, secara mudah kampung air dapat didefinisikan sebagai sekumpulan rumah di luar bandar yang dibina di atas permukaan air. Perbezaan kampung air dengan kampung-kampung di darat ialah tiang-tiang rumah di kampung air berada di dalam air setidak-tidaknya sewaktu air sungai atau laut pasang.²¹

Gambar 1.0: Kampung Seberang Kedai Tahun 2001



Gambar 1.1: Bandar Limbang Tahun 2001



Kampung-kampung air di daerah Limbang, Sarawak didapati sebanyak 34 buah (97%) kampung dibina di kawasan tebing sungai, manakala sebuah kampung sahaja (3.0%) dibina di kawasan pinggir pantai. Rumah-rumah di petempatan kampung air ini keseluruhan tiang rumahnya berada di air setidak-tidaknya semasa air sungai atau laut pasang. Manakala semasa air surut, sebahagian tiang-tiang rumah berada di air dan sebahagian lagi di daratan. Rumah-rumah tersebut merupakan rumah di daratan yang menganjur ke sungai atau sebaliknya. Ciri perkampungan air sebegini terdapat di beberapa buah kampung air antaranya termasuklah Kampung Limpaku Pinang, Kampung Pemukat, KSK, Kampung Berawan dan Kampung Pengkalan Rejab.

Di Negara Brunei Darussalam, sebilangan besar petempatan kampung air dibina di bahagian muara Sungai Brunei. Memandangkan bahagian muara sungai tersebut cetek sebilangan rumah didirikan di bahagian tengah manakala sebahagian lagi di bahagian pinggir. Rumah-rumah di KABD kebanyakannya didirikan di atas air. Tiang-tiang rumah berada di dalam air semasa air pasang atau surut. Gambar 1.2 menunjukkan sebilangan rumah-rumah di petempatan KABD. Terdapat juga rumah-rumah yang dibina di bahagian tebing muara Sungai Brunei. Rumah-rumah itu sebenarnya dibina di atas air tetapi bahagian dapurnya menganjur ke daratan. Tiang-tiang rumah pada bahagian rumah ibu akan berada di air, manakala tiang-tiang rumah di bahagian dapur berada di darat.

Gambar 1.2: Sebilangan Rumah-rumah DI KABD Tahun 2001



Dalam pada itu, di KABD terdapat taman perumahan di atas air yang dibina oleh pihak kerajaan seperti yang dapat dilihat di Kampung Bolkiah "A" dan Kampung Bolkiah "B". Taman perumahan atas air ini merupakan petempatan terancang yang terdiri daripada rumah-rumah bercorak seragam dari segi saiz, bahan binaan, senibina, rekabentuk dan penyediaan kemudahan asas. Keseluruhan tiang-tiang rumah di taman perumahan ini berada di air sama ada air pasang atau surut.

Kajian ini mengambilkira kesemua jenis rumah yang dibina di atas air sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada rumah tersebut. Petempatan di atas air akan dianggap sebagai kampung air. Definisi sebegini menjadikan ruang lingkup kajian lebih luas dan bervariasi. Kepelbagaian dalam pola petempatan kampung air akan membantu pengkaji mengenali lebih dekat lagi bentuk-bentuk hubungan yang wujud antara petempatan kampung-kampung air di daerah Limbang dengan KABD.

1.4 METODOLOGI KAJIAN

Pengkajian ini telah menggunakan pendekatan pelbagai disiplin. Untuk menjalankan kajian ini dengan jayanya beberapa kaedah penyelidikan telah digunakan sebagaimana yang dijelaskan di bawah:

1.4.0 Penyelidikan Perpustakaan

Penyelidikan perpustakaan dijalankan bagi mendapatkan maklumat awal mengenai latar belakang dan keadaan fizikal kawasan yang dikaji. Kaedah ini juga digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang kajian-kajian berkaitan petempatan kampung air yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Selain itu, kaedah ini turut digunakan untuk mengumpul maklumat tentang sejarah awal, ekonomi, politik dan sosial kawasan yang dikaji.

Untuk melaksanakan kaedah di atas, pengkaji telah menjalankan penyelidikan di beberapa buah perpustakaan, arkib negeri dan jabatan-jabatan kerajaan. Antaranya termasuklah Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Malaysia Sarawak, Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam, Perpustakaan Majlis Daerah Limbang, Perpustakaan Majlis Daerah Lawas, Muzium Negeri Sarawak, Jabatan Immigresen Limbang, Jabatan Perikanan Laut Negeri Sarawak, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia Sarawak, Jabatan Perangkaan Malaysia Sarawak dan Jabatan Agama Islam Sarawak.

1.4.1 Kaedah Temubual

Kaedah temubual dijalankan semasa melakukan kajian lapangan. Kaedah ini dilakukan kepada penduduk umum KSK dan golongan yang berpengaruh di kampung tersebut antaranya Ketua Kampung, Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung

(JKKK), pemimpin-pemimpin persatuan, ahli-ahli politik dan ahli-ahli agama. Kaedah temubual turut dijalankan kepada pegawai-pegawai kerajaan yang mempunyai hubungan dengan petempatan kampung-kampung air, antaranya termasuklah dari Pejabat Daerah Limbang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia Sarawak, Jabatan Perikanan Laut Sarawak dan Jabatan Laut Sarawak.

Temubual kepada golongan di atas sangat mustahak untuk mendapatkan maklumat dan data-data penting mengenai sejarah pembukaan kampung, pembinaan petempatan, aktiviti ekonomi, sosial serta politik dan pentadbiran di kampung air KSK, Limbang. Maklumat dan data-data tersebut sangat diperlukan bagi menjelaskan lagi tentang hubungannya dengan KABD.

1.4.2 Kaedah Pemerhatian

Kaedah pemerhatian dijalankan untuk mendapatkan maklumat sebenar tentang kampung air. Bagi melaksanakan kaedah ini, pengkaji telah tinggal di KSK selama lebih kurang dua bulan iaitu pada 16 Februari hingga 16 Mac 2000 dan 01 April hingga 06 Mei 2001. Semasa tinggal di kawasan kajian, pengkaji telah memerhati dan mengumpul maklumat secara langsung tentang kegiatan ekonomi penduduk kampung air itu, antaranya termasuklah aktiviti perikanan, perdagangan, pengangkutan, pembuatan dan lain-lain pekerjaan yang ada hubungannya dengan KABD.

Manakala maklumat berkenaan hubungan sosial, telah

dapat dilihat melalui aktiviti seperti kunjung-mengunjung, majlis perkahwinan, majlis kenduri dan permainan. Selain itu, kaedah pemerhatian turut membantu pengkaji untuk menganalisa secara terperinci tentang ciri-ciri fizikal petempatan KSK. Antaranya termasuklah lokasi, morfologi, saiz, bahan binaan, rekabentuk dan senibina rumah di kampung tersebut yang diteliti dari segi hubungannya dengan KABD.

Selain kaedah pemerhatian biasa, pengkaji turut menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta untuk melihat dan merasai realiti kehidupan penduduk di petempatan kampung air KSK. Pengkaji telah ikut serta dalam beberapa aktiviti sosial dan ekonomi masyarakat di kampung tersebut antaranya termasuklah aktiviti gotong-royong, majlis kenduri, majlis perkahwinan, permainan, menangkap ikan dan berdagang. Melalui kaedah pemerhatian ikut serta maklumat tentang aktiviti-aktiviti di atas dapat diketahui dengan lebih jelas terutama dalam aspek hubungannya dengan KABD. Perlu dijelaskan, melalui kaedah pemerhatian ikut serta maklumat yang bersifat 'sensitif' dapat diperoleh dan *cross checking* dapat dijalankan untuk mendapatkan maklumat yang boleh dipercayai.²²

1.4.3 Kaedah Soal-selidik

Kaedah soal-selidik dijalankan secara khusus di KSK. Sebanyak 104 buah rumah yang diwakili oleh seramai 150 orang ketua keluarga di KSK telah dijadikan sebagai sampel kajian. Perlu

dijelaskan, di petempatan kampung air KSK terdapat lebih daripada seorang ketua keluarga dalam sebuah rumah. Kesemua ketua keluarga tersebut telah dipilih sebagai responden.

Kaedah soal-selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat secara terperinci tentang biodata, butir-butir keluarga, butir-butir tempat tinggal, butir-butir ekonomi dan butir-butir sosial responden yang dikaji. Maklumat-maklumat yang diperoleh melalui kaedah ini telah diproses seratus peratus dengan menggunakan komputer. Borang soal-selidik yang telah digunakan dalam kajian ini ditunjukkan dalam Lampiran 1.

1.5 KAJIAN-KAJIAN TERDAHULU

Sehingga ke hari ini, sebilangan besar pengkaji sama ada tempatan atau antarabangsa yang menulis tentang petempatan maritim tidak memberikan tumpuan khusus kepada aspek hubungan petempatan maritim di rantau Asia Tenggara amnya dan Pulau Borneo khususnya. Kebanyakan kajian yang dijalankan lebih tertumpu kepada aspek sejarah, politik, ekonomi dan sosial masyarakat di sesebuah petempatan maritim yang dikaji.

Kewujudan petempatan maritim di rantau Asia Tenggara telah dapat diketahui melalui tulisan-tulisan sejarah seperti yang ditulis oleh D.G.E.Hall²³ dan Anthony Reid²⁴. Kedua pengkaji ini melihat Asia Tenggara sebagai sebuah kawasan bertamadun yang penting mengikut acuannya sendiri dan bukan hanya apabila dikaitkan dengan

benua China, India, Eropah dan lain-lain. Dalam pada itu, tulisan kedua pengkaji tersebut turut menyentuh tentang hubungan perdagangan dan diplomatik antara empayar-empayar maritim di rantau ini pada abad ke-14 hingga 19.

Seorang lagi penulis sejarah maritim Asia Tenggara Adrian B. Lapidan²⁵ dalam tulisannya "Peta Pelayaran Nusantara dari Masa ke Masa" telah membincangkan kepentingan rantau ini sebagai rantau maritim yang mempunyai jalur perdagangan dan pelabuhan-pelabuhan utama dalam konteks hubungan timur-barat. Aspek hubungan yang dijelaskan dalam penulisan tersebut lebih tertumpu kepada perdagangan dan perkapalan semata-mata, sebaliknya hubungan sosial antara petempatan maritim yang sebenarnya menjadi tulang belakang kepada hubungan ekonomi tidak diteliti. Bagaimanapun penulisan di atas sedikit sebanyak telah membantu pengkaji untuk memahami dan mengenali petempatan maritim di rantau ini khususnya dalam aspek hubungan "pusat-pinggir".

Kewujudan petempatan-petempatan maritim di Asia Tenggara turut dapat dikesan melalui hasil karya pengkaji-pengkaji penghujung abad ke-20, antaranya termasuklah J.F.Warren²⁶, C.A. Majul²⁷, Mukhlis²⁸, Mohammad Raduan Mohd. Ariff²⁹, Dom Nambi Sabai³⁰ dan Hassan Bakil³¹. Penulis-penulis ini mengkaji dan meneliti keagungan dan keutuhan kerajaan-kerajaan maritim di Asia Tenggara pada abad ke-18 dan 19. Kerajaan-kerajaan maritim tersebut berlatarbelakangkan kepulauan adalah Kesultanan-kesultanan Melayu

yang menjadikan laut sebagai pentas penguasaan politik dan sumber kekayaan ekonomi. Penulis-penulis di atas turut menyentuh tentang hubungan kuasa-kuasa maritim dengan wilayah-wilayah pedalaman, walau bagaimanapun ia tidak disentuh secara mendalam.

Petempatan maritim juga didapati daripada laporan-laporan pengembaraan dan pelayaran seperti yang ditulis oleh Antonio Pigafetta³², Carl Lomholtz³³, H. F. Tillema³⁴ dan Peter Goullart³⁵. Penulis-penulis ini telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai petempatan-petempatan maritim di Pulau Borneo. Bagaimanapun catatannya tertumpu kepada aspek lokasi, ciri-ciri penduduk, cara hidup dan aktiviti ekonomi masyarakat di petempatan maritim yang dilawati. Ia tidak menyentuh tentang aspek hubungan antara petempatan-petempatan maritim berkenaan.

Selain laporan pengembaraan dan pelayaran di atas, petempatan maritim juga dapat diketahui melalui laporan pegawai-pegawai British yang memerintah kawasan itu seperti Charles Brooke³⁶, Charles Hose³⁷ dan Captain Daniel Beeckman³⁸. Laporan pegawai-pegawai tersebut lebih memberi tumpuan kepada aspek kegiatan ekonomi, perluasan wilayah dan aktiviti-aktiviti penyerangan lanun.

Petempatan maritim di Pulau Borneo juga diketahui melalui buku-buku pelancongan. Antaranya termasuklah buku-buku yang telah dihasilkan oleh Albert C.K. Leo³⁹, Wendy Hutton⁴⁰, Darrel N.C. Tsen and John T.H. Then⁴¹ dan Nick Raine and Andy Raine⁴².

Buku-buku ini melihat dan menjelaskan aspek budaya penduduk setempat dan alam semulajadi yang menarik di sesebuah kawasan di Pulau Borneo. Secara langsung ia membantu pengkaji mengenali lebih dekat lagi petempatan maritim khususnya petempatan kampung-kampung air melalui gambar-gambar dan teks yang menjelaskan tentang lokasi serta latarbelakang sesebuah kawasan.

Pengkaji-pengkaji pada tahun 1980-an dan 1990-an telah mengkaji secara lebih mendalam tentang petempatan kampung air di Pulau Borneo. Di Negara Brunei Darussalam, kajian mengenai sosioekonomi masyarakat di petempatan kampung air telah dilakukan oleh Aishah Sahdan⁴³. Tesis beliau yang bertajuk "Komuniti Melayu Di Kampung Burung Pingai Air: Kajian Sosioekonomi" bertujuan untuk menganalisa sistem sosial dan ekonomi komuniti Melayu yang tinggal di sebuah kawasan perkampungan yang dikenali sebagai "Kampung Ayer" di Bandar Seri Begawan.

Penulis buku-buku sejarah Negara Brunei Darussalam seperti Nicholas Tarling⁴⁴, D.E. Brown⁴⁵, A.V.M. Horton⁴⁶, D.S. Ranjit Singh⁴⁷, Jatswan S. Sidhu⁴⁸, Sabihah Osman, Muhammad Hadi Abdullah dan Sabullah Hj. Hakip⁴⁹ turut menyentuh tentang petempatan kampung air di negara itu. Secara keseluruhan, penulis-penulis ini lebih memberi tumpuan kepada aspek sejarah ekonomi, sejarah sosial dan sejarah politik kawasan yang dikaji. Dalam pada itu, perbincangan tentang sejarah wilayah menjelaskan hubungan antara Negara Brunei Darussalam dan daerah Limbang.

Kajian-kajian tentang petempatan KABD dianggap sebagai agenda penting Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Ia merupakan satu usaha untuk memelihara, membangun dan memajukan petempatan KABD sebagai lambang identiti budaya masyarakat Melayu Brunei. Pengkajian KABD tersebut telah dijalankan dalam pelbagai aspek.

Kajian aspek ekonomi KABD telah dilakukan oleh Abdul Latif Ibrahim⁵⁰, Zainuddin Hassan⁵¹, Hussin Damit⁵² dan Takong Amit⁵³. Perbincangan ekonomi yang diutarakan lebih memberi tumpuan kepada ekonomi tradisi penduduk KABD yang melibatkan perdagangan dan perikanan. Dalam aspek perdagangan penulis-penulis tersebut menghuraikan tentang peranan pedagang-pedagang di Kampong Ayer yang dikenali sebagai 'Pengalu' dan 'Padian' sebelum abad ke-20. Manakala kegiatan menangkap ikan yang menjadi pekerjaan tradisi penduduk KABD dihuraikan bermula daripada peringkat pengeluaran hingga pemasaran hasil perikanan. Sementara itu, kajian ekonomi masyarakat KABD yang lebih terkini telah dijalankan oleh Moehammad Nazir⁵⁴. Kajian beliau meneliti agihan pendapatan penduduk KABD mengikut jenis pekerjaan, taraf pendidikan, saiz keluarga, pangkat atau gelaran dan taraf kewarganegaraan.

Aspek sejarah KABD telah dikaji oleh Mohd. Yusop Bakar⁵⁵, D.E. Brown⁵⁶, Iik Ariffin Mansurnoor⁵⁷, H. Idris B.H. Abas⁵⁸ dan Abdul Aziz @ Franklyn Kaloko⁵⁹. Penulis-penulis ini mengkaji

sejarah asal-usul KABD dan perkembangannya sehingga menjadi sebuah pusat ekonomi, sosial, politik dan perkembangan agama Islam yang agung di rantau ini sebelum abad ke-20. Penulis-penulis tersebut juga membincangkan tentang peranan pedagang dan pemerintah dalam membangun dan memajukan KABD sebagai sebuah pelabuhan penting sekitar abad ke-17 hingga 19.

Pengkajian tentang aspek petempatan KABD telah dilakukan oleh Ismail Ibrahim⁶⁰ dan Alimin Abdul Hamid⁶¹. Kedua-dua pengkaji ini telah menghuraikan tentang tradisi pembinaan rumah-rumah tradisional di KABD. Perbincangan tentang pembinaan rumah-rumah tradisional tersebut dihuraikan dari sudut bahan binaan, senibina dan rekabentuk rumah. Dalam pada itu, adat dan kepercayaan dalam membina rumah juga dibincangkan.

Aspek sosial KABD pula telah dikaji oleh Hashim Abdul Hamid⁶², Teh Pick Ching⁶³, Hairuni Mohammad Ali Mericar⁶⁴, Andrew Jones⁶⁵ dan Mohsin Abu Bakar⁶⁶. Penulis-penulis aspek sosial ini membincangkan tentang kemudahan asas, penduduk, taraf pendidikan, budaya dan cara hidup masyarakat KABD. Secara umum kajian aspek sosial ini melihat kehidupan masyarakat KABD yang mempunyai ciri tersendiri.

Lim Hooi Siang⁶⁷, Warwick Newall⁶⁸, J.A. Davidson⁶⁹ dan Adnan Mohammad⁷⁰ telah mengkaji tentang kemudahan asas di KABD yang disediakan oleh pihak pemerintah. Pengkaji-pengkaji ini masing-masing menjalankan penyelidikan terhadap sistem

pembentukan, sistem pembuangan sampah, perkhidmatan pos dan terminal penumpang moden yang terdapat di KABD. Secara umum, isu utama yang dibincangkan adalah keberkesanan fungsi kemudahan-kemudahan tersebut terhadap komuniti maritim yang mendiami KABD.

S.C. Chi, M.C. Cleary dan T.S. Ka⁷¹ telah membuat penyelidikan tentang perubahan struktur sosioekonomi masyarakat KABD dalam artikel mereka bertajuk "The Changing Socio-Economic Profile of Kampong Ayer Negara Brunei Darussalam". Ketiga-tiga pengkaji di atas melihat perubahan yang berlaku dalam struktur morfologi, struktur sosial, pekerjaan dan pendapatan penduduk KABD.

Goh Kim Chuan⁷² dalam kajiannya berjudul "Garbage Production and Disposal in Kampong Ayer and Environmental Implications" telah meneliti kesan petempatan KABD terhadap kualiti air di Sungai Brunei. Kajian yang lebih bersifat teknikal ini meneliti tentang kelemahan petempatan KABD yang tidak menyediakan sistem pembuangan dan pelupusan sampah. Keadaan tersebut menyebabkan sisa domestik dari setiap rumah dibuang terus ke dalam sungai yang kemudiannya menyebabkan berlakunya masalah pencemaran air yang serius.

Di Kalimantan, Indonesia, kajian tentang perkampungan air telah dijalankan oleh Zein Heflin Frinces⁷³. Kajian beliau bertajuk "Kampong Ayer di Kabupaten Kutai: Peranannya dalam Pertumbuhan Ekonomi dan Kebudayaan Kawasan" membincangkan tentang

sumbangan dan peranan yang diberikan oleh kampung air itu dalam perkembangan ekonomi dan budaya masyarakat di Kabupaten Kutai. Penulisan di atas turut membincangkan tentang latar belakang sejarah hubungan Kerajaan Kutai dan Kerajaan Brunei.

Petempatan kampung air di Kalimantan kemudiannya telah dikaji oleh Mohammad Raduan Mohd. Ariff⁷⁴. Beliau telah mengkaji kampung air di Kalimantan Selatan dalam artikelnya berjudul "Kotamadya Banjarmasin: Kota Air Terbesar di Pulau Borneo". Kajian ini membuktikan petempatan kampung-kampung air yang terletak di sungai-sungai seperti Sungai Barito, Sungai Riam Kanan, Sungai Batang Alai, Sungai Balangan dan lain-lain sungai di Banjarmasin adalah yang terbesar di Pulau Borneo.

Pengkaji di atas kemudiannya telah menjalankan penyelidikan di Kalimantan Barat dalam artikelnya bertajuk "Kampung Air Nelayan Tradisional di Muara Sungai Kapuas, Kalimantan Barat, Indonesia: Satu Tinjauan".⁷⁵ Dalam kajian ini penulis membincangkan tentang aspek petempatan seperti rekabentuk, bahan binaan dan saiz rumah. Kajian beliau juga menghuraikan aktiviti ekonomi, sosial dan politik komuniti maritim di kawasan yang dikaji. Kedua kajian yang dilakukan di atas juga menyentuh tentang hubungan 'pusat-pinggir' antara penduduk petempatan kampung air yang terletak di bahagian pusat dengan kampung air di kawasan pedalaman wilayah yang dikaji.

Di Sabah, kajian tentang komuniti yang mendiami petempatan kampung air telah dijalankan oleh Yap Beng Liang⁷⁶

dalam bukunya berjudul **Orang Bajau Pulau Omadal: Aspek-aspek Budaya**. Kajian ini menjelaskan etnografi tentang beberapa aspek budaya sekelompok masyarakat Bajau Laut yang terdapat di Pulau Omadal, daerah Semporna. Namun begitu, kajian yang dijalankan pada pertengahan tahun 1975 ini hanya memberikan penjelasan tentang sosial masyarakat Bajau Laut Pulau Omadal ketika itu.

Kajian tentang masyarakat Bajau Laut di Sabah turut dilakukan oleh Clifford Sather⁷⁷ dalam bukunya bertajuk **The Bajau Laut: Adaption, History, and Fate in a Maritime Fishing Society of South-eastern Sabah**. Sather menjalankan kajiannya di sekitar daerah Semporna pada pertengahan tahun 1964 sehingga tahun 1994. Dalam kajian tersebut, beliau telah membincangkan secara terperinci aspek sejarah, sosial dan ekonomi masyarakat Bajau Laut di kawasan yang dikaji.

Kajian khusus tentang petempatan kampung air di Sabah telah dijalankan oleh Denny Sumito Ribut⁷⁸ dalam tesisnya bertajuk "Penempatan Kampung Air: Kajian Kes di Kampung Panji, Lahad Datu, Sabah." Kajian ini meneliti ciri-ciri perkampungan air yang terdapat di daerah Lahad Datu. Tema kajian yang sama turut dijalankan oleh Shamsuddin Lawe⁷⁹ dalam penulisannya bertajuk "Petempatan di Perkampungan Air: Kajian Kes di Kampung Pengkalan, Kunak, Sabah." Kajian ini meneliti pola petempatan kampung air dan hubungkaitnya dengan aspek-aspek ekonomi, sosial dan politik masyarakat yang mendiami kampung itu seperti Bajau,

Bugis, Suluk dan lain-lain suku kaum.

Penulis Zahra Yaacob⁸⁰ pula telah membincangkan perkampungan air di Sabah dalam kertas kerjanya berjudul "Kelainan Ciri Perkembangan dan Pembangunan Petempatan Kampung Ayer: Transformasi Sosial Komuniti Terpinggir di Sabah". Dalam penulisan ini beliau cuba melihat pertumbuhan, perkembangan dan pembangunan petempatan kampung air di Sabah yang sungguh berbeza dari fenomena perkampungan air di Negara Brunei Darussalam. Penulisan ini menjelaskan masalah-masalah dan kekurangan kampung-kampung air di Sabah yang memungkinkan ia pupus suatu hari nanti. Dari segi sejarah, penulis membincangkan secara ringkas hubungan kampung-kampung air di Sabah dengan KABD.

Di Sarawak, kajian mengenai petempatan kampung air telah dijalankan oleh Yasir Abdul Rahman⁸¹ dalam bukunya berjudul **Melanau Mukah: Satu Kajian Budaya**. Dalam buku ini, penulis telah memerikan secara terperinci tentang aspek sosial masyarakat Melanau di daerah Mukah yang mendiami petempatan kampung air. Semasa membincangkan budaya masyarakat Melanau seperti perkahwinan, perayaan, kepercayaan dan pantang larang, penulis sedikit sebanyak menyentuh tentang persamaan atau pengaruh budaya dari petempatan kampung-kampung air lain terhadap budaya masyarakat setempat.

Kajian mengenai petempatan kampung air di daerah

Limbang, Sarawak telah dikaji oleh Lihah Amat⁸². Kajiannya yang bertajuk "Konsep dan Penghayatan Solat Lima Waktu: Satu Kajian di Limbang, Sarawak" bertujuan untuk menjelaskan realiti sebenar masyarakat Islam di kampung air. Lihah sedikit sebanyak menerangkan aktiviti ekonomi penduduk kampung air khususnya kegiatan menangkap ikan yang merupakan pekerjaan tradisi. Bagaimanapun beliau tidak melihat hubungannya dengan KABD. Kajian tersebut turut menyentuh secara ringkas sejarah hubungan daerah Limbang dengan Negara Brunei Darussalam dalam menghuraikan perkembangan agama Islam di daerah tersebut.

Sebelum itu, Normah Asmad⁸³ telah mengkaji "Adat Perkahwinan Melayu Brunei di Sarawak: Satu Kajian di Limbang". Penulisan ini bertujuan untuk mengetahui dan memahami adat istiadat perkahwinan yang diamalkan dalam masyarakat Melayu Brunei di daerah Limbang. Dalam kajian tersebut aspek hubungan sosial antara penduduk daerah Limbang dengan penduduk Negara Brunei Darussalam dalam adat perkahwinan tidak dibincangkan secara teliti. Pengkajian tersebut lebih bertujuan untuk melihat perbezaan ciri-ciri adat perkahwinan di kawasan kajian dengan tempat-tempat lain dan kesesuaiannya mengikut ajaran Islam.

Kajian tentang petempatan kampung air di daerah Limbang turut dilakukan oleh Mohammad Raduan Mohd. Ariff⁸⁴ dalam artikel beliau berjudul "Kampung-kampung Air di Limbang dan Lawas, Sarawak: Hubungannya dengan Negara Brunei Darussalam".

Walaupun kajian ini membincangkan tentang hubungan kampung-kampung air di Limbang dan Lawas, Sarawak dengan Negara Brunei Darussalam, tetapi ia tidak dijalankan secara mengkhusus kepada sesebuah petempatan kampung air. Penulisan ini telah membincangkan tentang penduduk, ekonomi, ciri-ciri petempatan dan sosial masyarakat kampung air di daerah Limbang dan Lawas.

Berdasarkan pengkajian-pengkajian di atas, jelas menunjukkan bahawa masih belum terdapat pengkaji yang mengkaji secara khusus tentang hubungan petempatan kampung air di daerah Limbang, Sarawak dengan KABD dalam aspek sejarah, petempatan, ekonomi dan sosial.

1.6 PEMBAHAGIAN BAB

Penulisan tesis ini telah dibahagikan kepada enam bab. Penjelasan tentang bab-bab tersebut sebagaimana yang diterangkan di bawah:

Bab pertama, merupakan bahagian pendahuluan tesis. Bahagian ini menghuraikan tentang permasalahan kajian, tujuan dan objektif kajian, kawasan kajian, definisi kampung air, metodologi kajian, kajian-kajian terdahulu dan pembahagian bab.

Bab kedua, menjelaskan tentang latar belakang petempatan kampung air di daerah Limbang. Bahagian awal bab ini membincangkan latar belakang sejarah hubungan kampung-kampung air di daerah Limbang dengan KABD. Perbincangan tersebut bermula

sejak daerah Limbang di zaman pemerintahan Kesultanan Brunei hinggalah di bawah Kerajaan Malaysia. Sebelum membincangkan latar belakang KSK secara khusus, kajian terlebih dahulu melihat secara umum keluasan daerah Limbang dan penduduk serta taburan dan pola petempatan kampung air di daerah tersebut pada masa kini. Perbincangan tentang KSK dimulakan dengan menghuraikan tentang perkembangan rumah-rumah di kampung air tersebut. Dalam bahagian ini sejarah pembukaan KSK turut diteliti. Seterusnya perbincangan menyentuh tentang latar belakang ketua keluarga, taraf pendidikan, ekonomi, kepimpinan dan kemudahan asas di KSK.

Bab ketiga tesis ini menghuraikan tentang pembinaan dan aspek fizikal rumah-rumah di KSK. Penulisan dalam bab ini akan menghuraikan aspek budaya dan tradisi membangun rumah di KSK bermula dari mencari tapak rumah hinggalah berpindah ke rumah baru. Seterusnya perbincangan yang diutarakan menyentuh tentang saiz, bahan binaan, senibina dan rekabentuk rumah-rumah di KSK. Kesemua maklumat yang dinyatakan dalam bab ini dikaji dan diteliti hubungannya dengan petempatan KABD.

Bab keempat tesis ini menjelaskan tentang hubungan ekonomi yang berlaku antara penduduk KSK dengan penduduk KABD. Perbincangan dalam bab ini menjelaskan bentuk-bentuk hubungan ekonomi yang wujud termasuklah hubungan pengusaha dan pemodal; pemasaran dan pengeluaran; peniaga dan penjual. Bentuk-bentuk hubungan tersebut dibincangkan dengan meneliti aktiviti-aktiviti

ekonomi penduduk KSK khususnya dalam perikanan, perdagangan, pengangkutan, perusahaan membuat bot dan pertanian. Pembangunan dan kemajuan yang dikecapi oleh penduduk KSK hasil daripada hubungan ekonomi di atas turut dibincangkan dalam bab ini dengan melihat aspek pendapatan.

Bab kelima menjelaskan aspek hubungan sosial yang terjalin di antara penduduk KSK dengan KABD. Perbincangan dalam bab ini menghuraikan tentang hubungan kekeluargaan dan kekerabatan yang terjalin sama ada melalui pertalian darah atau perkahwinan. Hubungan kekeluargaan tersebut ditinjau melalui aktiviti kunjung-mengunjung, amalan memberi buah tangan, majlis-majlis keramaian, hiburan, kegiatan agama dan aktiviti masa lapang. Aspek hubungan adat dan budaya juga dibincangkan dalam upacara-upacara seperti perkahwinan, kenduri-kendara, menziarahi orang sakit dan kematian. Bahagian akhir penulisan bab ini, menganalisa kesan hubungan sosial antara masyarakat KSK dengan KABD terhadap budaya dan cara hidup orang-orang Melayu Brunei KSK sendiri.

Bab keenam merupakan bab kesimpulan yang telah merumuskan penemuan-penemuan penting kajian ini. Dalam membuat rumusan, penemuan-penemuan tersebut diperlihatkan signifikannya dalam konteks ilmu yang lebih global.

NOTA HUJUNG

¹ Untuk penjelasan yang lebih lanjut tentang KABD, sila lihat Jabatan Daerah Brunei dan Muara, "Pengenalan: Mukim Kampong Ayer Brunei Darussalam", dalam Abdul Latif Ibrahim (ed.), **Kampong Ayer: Warisan, Cabaran dan Masa Depan (Kumpulan Esei Yang Pernah Diterbitkan 1970-1996)**, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam, 1996, hal. 1-10.

² Untuk maklumat yang lebih mendalam tentang lokasi kampung-kampung air di Sabah, sila lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Dari Kota Air Ke Perkampungan Setinggal: Satu Kajian Tentang Sejarah Perkembangan Perkampungan Air Di Sabah 1750-1990", dalam **JATI**, Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Bil. 3, Ogos 1997, hal. 28-51.

³ Sila lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Petempatan Kampung Air Di Pulau Borneo: Satu Kajian Perbandingan", Laporan Penyelidikan, Akademik Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam, November 1998, hal. 1.

⁴ Ibid.

⁵ Sila lihat Thomas Forrest, **A Voyage to New Guinea and The Mollucas 1774-1776**, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969, hal. 321.

⁶ Satu contoh sebuah kerajaan maritim yang agung di rantau ini adalah Kesultanan Sulu di abad ke-18 dan 19. Wilayah Kesultanan Sulu meliputi kawasan seluas kira-kira 1,600 batu persegi yang menganjur dari Pantai Borneo Utara di barat daya hingga ke selatan Pulau Mindanao di timur laut, dan dari Pulau Palawan di barat laut hingga ke utara Kepulauan Sulawesi di tenggara. Untuk penjelasan terperinci tentang Kesultanan Sulu, sila lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, **Dari Pemungutan Tripang Ke Penundaan Ulang: Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan Di Borneo Utara 1750-1990**, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995, hal. 1-72.

⁷ Bagi mendapatkan penjelasan yang lebih mendalam tentang peranan golongan bangsawan atau aristokrat ini, sila lihat *Ibid.*, hal. 4-48.

⁸ Untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut, sila lihat Anne

Lindsey Reber, "The Sulu World in The Eighteenth and Early Nineteenth Centuries: A Historiographical Problem in British Writings on Malay Piracy", Tesis Sarjana, Mikrofilem, Cornell University, 1966, hal. 52.

⁹ Penjelasan lanjut, sila lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Petempatan Kampung Air Di Pulau Borneo", Op. Cit., hal. 2.

¹⁰ Sila lihat Kobkua Suwannathat Pian, **Asia Tenggara: Hubungan Tradisional Serantau**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1997, hal. 42.

¹¹ Mohammad Raduan Mohd. Ariff, **Dari Pemungutan Tripang Ke Penundaan Undang**, Op. Cit., hal. 18.

¹² Mohsin Abu Bakar, "Kampong Ayer: Lambang Kemegahan Negara Brunei Darussalam", dalam Abdul Latif Ibrahim (ed.), **Op. Cit.**, hal. 316.

¹³ Mohammad Raduan Mohd. Ariff, **Dari Pemungutan Tripang Ke Penundaan Undang**, Op. Cit., hal. xxiii.

¹⁴ Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang usaha pihak barat mendapatkan sumber bahan mentah di rantau ini, sila lihat D.G.E. Hall, **Sejarah Asia Tenggara**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1987, hal. 950-979.

¹⁵ Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Petempatan Kampung Air di Pulau Borneo", Op. Cit., hal. 3.

¹⁶ Mohammad Raduan Mohd. Ariff, **Dari Pemungutan Tripang ke Penundaan Undang**, Op. Cit., hal. 58-59.

¹⁷ Sila lihat Muhammad Hj. Abu Bakar, "Angkatan Nahdhatul Islam Bersatu (BINA): Peranannya Dalam Gerakan Pengislaman di Sarawak", Tesis Sarjana Muda Persuratan, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1979/80, hal. 13-15.

¹⁸ Sila lihat Mohd. Noor Abdullah, **Kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, 1979, hal. 24-25.

¹⁹ Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Petempatan Kampung Air di

Pulau Borneo", Op. Cit., hal. 4.

²⁰ Ibid., hal. 5.

²¹ Untuk mendapatkan penjelasan lanjut tentang pentakrifan kampung air di Pulau Borneo, sila lihat Ibid., hal. 8-11.

²² Sila lihat Hassan Bakil, "Penguasaan Orang-orang Taosug dalam Industri Perikanan Di Sabah: Kajian Kes Di Daerah Perikanan Semporna, Sabah", Tesis Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995/96, hal. 16.

²³ Sila lihat D.G.E. Hall, **Op. Cit.**

²⁴ Sila lihat Anthony Reid, **Asia Tenggara Dalam Kurun Niaga 1450-1680, Jilid 1: Tanah Di Bawah Angin**, Yayasan Obor Indonesia, Jakarta, 1992.

²⁵ Sila lihat Adrian B. Lopian, "Peta Pelayaran Nusantara Dari Masa Ke Masa", dalam **JATI**, Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Bil. 2, Disember 1996, hal. 35-52.

²⁶ Sila lihat James Francis Warren, **The Sulu Zone 1768-1898: The Dynamics of External Trade, Slavery, and Ethnicity in the Transformation of a Southeast Asian Maritime State**, Singapore University Press, 1981.

²⁷ Sila lihat C.A. Majul, **Islam Di Filipina**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1988.

²⁸ Sila lihat Mukhlis, **Persepsi Sejarah Kawasan Pantai**, P3MP, Universitas Hasanuddin, Makassar, 1988.

²⁹ Sila lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, **Dari Pemungutan Tripang Ke Penundaan Udang**, **Op. Cit.**

³⁰ Sila lihat Dom Nambi Sabai, "Makassar Sebagai Pusat Perdagangan Pada Abad Ke-17", Tesis Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1993/94.

³¹ Sila lihat Hassan Bakil, "Penguasaan Orang-orang Taosug Dalam Industri Perikanan Di Sabah: Kajian Kes Di Daerah Perikanan Semporna, Sabah", Tesis Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian

Asia Tenggara, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1995/96.

³² Sila lihat Antonio Pigafetta, "The Sultanate of Brunei in 1521", dalam Victor T. King (ed.), **The Best of Borneo Travel**, Singapore Oxford University Press, Oxford New York, 1992, hal. 53-61.

³³ Sila lihat Carl Lumholtz, **Through Central Borneo: An Account of Two Years' Travel in the Land of the Head-Hunters Between the Years 1913 and 1917**, Singapore Oxford University Press, Oxford New York, 1991.

³⁴ Sila lihat H.F. Tillema, "Rapids and River Travel in East Borneo", dalam Victor T. King (ed.), **Op. Cit.**, hal. 198-210.

³⁵ Sila lihat Peter Goullart, **River of the White Lily: Life in Sarawak**, Cox & Wyman Ltd., London, 1965.

³⁶ Sila lihat Charles Brooke, "An Expedition against the Warlike Sea Dayaks (Ibans) of the Saribas", dalam Victor T. King (ed.), **Op. Cit.**, hal. 96-107.

³⁷ Sila lihat Charles Hose, "All on the Bornean Shore", dalam Victor T. King (ed.), **Op. Cit.**, hal. 22-34.

³⁸ Sila lihat Captain Daniel Beeckman, "The Sultanate of Banjarmasin in 1714", dalam Victor T. King (ed.), **Op. Cit.**, hal. 61-79.

³⁹ Sila lihat Albert C.K. Teo, **Journey Through Borneo**, Sabah Handicraft Centre, Kota Kinabalu, Sabah, 1994.

⁴⁰ Sila lihat Wendy Hutton (ed.), **Sabah and Sarawak with Brunei Darussalam**, Periplus Editions (HK) Ltd., Singapore, 1993.

⁴¹ Sila lihat Darrel N.C. Tsen & John T.H. Then, **Tours of Sarawak**, Ministry of Environment and Tourism, Sarawak, 1994.

⁴² Sila lihat Nick Raine & Andy Raine, **Sabah-Sarawak: Land, People and Cultures**, S. Abdul Majeed & Co Publishing Division, Kuala Lumpur, 1995.

⁴³ Sila lihat Aishah Sahdan, "Komuniti Melayu Di Kampung Burung Pingai Air: Kajian Sosioekonomi", Tesis Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1983/84.

⁴⁴ Sila lihat Nicholas Tarling, **Britain, the Brookes and Brunei**,

Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1971.

⁴⁵ Sila lihat D.E. Brown, "Socio-Political History of Brunei: A Borneon Malay Sultanate", Tesis Ph.D., Cornell University, Ithaca, University Microfilms, Michigan, 1969.

⁴⁶ Sila lihat A.V.M. Horton, **The British Residency in Brunei, 1906-1959**, Centre for Southeast Asian Studies, University of Hull, England, 1984.

⁴⁷ Sila lihat D.S. Ranjit Singh, **Brunei 1839-1983: The Problems of Political Survival**, Oxford University Press, Singapore, 1984.

⁴⁸ Sila lihat Jatswan S. Sidhu, **Sejarah Sosioekonomi Brunei 1906-1959**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1995.

⁴⁹ Sila lihat Sabihah Osman, Muhammad Hadi Abdullah, Sabullah Hj. Hakip, **Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1995.

⁵⁰ Sila lihat Abdul Latif Ibrahim, "Padian-Its Market and The Women Vendors", dalam Abdul Latif Ibrahim (ed.), **Kampong Ayer: Warisan, Cabaran dan Masa Depan**, Op. Cit., hal. 75-108.

⁵¹ Sila lihat Zainuddin Hassan, "Pengalu Dan Padian Di Brunei: Satu Pengenalan Ringkas", dalam *Ibid.*, hal. 216-222.

⁵² Sila lihat Hussin Damit, "Nelayan Di Kampong Saba", dalam *Ibid.*, hal. 63-74.

⁵³ Sila lihat Takong Amit, "Ekonomi Tradisional Kampong Ayer: Satu Identiti Budaya Kerja Masyarakat Melayu Brunei", dalam *Ibid.*, hal. 194-215.

⁵⁴ Sila lihat Moehammad Nazir, "Income Distribution in Brunei Darussalam: The Case of Kampong Ayer", dalam *Ibid.*, hal. 180-193.

⁵⁵ Sila lihat Mohd Yusop Bakar, "Latar Belakang Mukim Saba", dalam *Ibid.*, hal. 44-62.

⁵⁶ Sila lihat D.E. Brown, "Antonio Pigafetta's Account of Brunei Darussalam in 1521", dalam *Ibid.*, hal. 273-282.

⁵⁷ Sila lihat Iik Arifin Mansurnoor, "Islamic Urbanism in a Malay

Town: Pre-20th Century Bandar Brunei, dalam **Ibid.**, hal. 334-356.

⁵⁸ Sila lihat H. Idris B.H. Abas, "Evolution of the National Capital", dalam **Ibid.**, hal. 357-363.

⁵⁹ Sila lihat Abdul Aziz @ Franklyn Kaloko, "The Evolution and Development of Kampong Ayer Water Settlement in Brunei Darussalam", dalam **Ibid.**, hal. 369-386.

⁶⁰ Sila lihat Ismail Ibrahim, "Seni Bina Rumah Melayu Brunei: Satu Tinjauan Ringkas", dalam **Ibid.**, hal. 75-108.

⁶¹ Sila lihat Alimin Abdul Hamid, "Tradisi Membangun Rumah: Khususnya Rumah Tradisional Di Kampong Ayer", dalam **Ibid.**, hal. 109-116.

⁶² Sila lihat Hashim Abdul Hamid, "Kampong Aying Model Dan Kesenambungan Sosiobudaya Brunei", dalam **Ibid.**, hal. 223-235.

⁶³ Sila lihat Teh Pick Ching, "An Experiment to Discover Mathematical Talent in a Primary School in Kampong Ayer", dalam **Ibid.**, hal. 288-295.

⁶⁴ Sila lihat Hairuni Mohammad Ali Mericar, "The Demographic Profile of Kampong Ayer", dalam **Ibid.**, hal. 236-256.

⁶⁵ Sila lihat Andrew Jones, "Heritage on a Higher Roller in the South China Sea Brunei's Water Village", dalam **Ibid.**, hal. 296-311.

⁶⁶ Sila lihat Mohsin Abu Bakar, "Kampong Ayer: Lambang Kemegahan Negara Brunei Darussalam", dalam **Ibid.**, hal. 312-324.

⁶⁷ Sila lihat Lim Hooi Siang, "A System for Conservation and Heritage Development in a Historic Water Village", dalam **Ibid.**, hal. 325-333.

⁶⁸ Sila lihat Warwick Newall, "Sewerage System of Kampong Bolkih A & B", dalam **Ibid.**, hal. 364-368.

⁶⁹ Sila lihat J.A. Davidson, O.B.E., "The Postal Services In Brunei's Water Town", dalam **Ibid.**, hal. 35-43.

⁷⁰ Sila lihat Adnan Muhammad, "Terminal Penumpang Modern Di Air", dalam **Ibid.**, hal. 257-272.

- ⁷¹ Sila lihat S.C. Chi, M.S. Cleary dan T.S. Ka, "The Changging Socio-Economic Profile of Kampong Ayer and Environmental Implications", dalam *Ibid.*, hal. 117-160.
- ⁷² Sila lihat Goh Kim Chuan, "Garbage Production and Disposal in Kampong Ayer and Environmental Implications", dalam *Ibid.*, hal. 161-179.
- ⁷³ Sila lihat Zein Heflin Frencis, "Kampong Ayer Di Kabupaten Kutai: Peranannya Dalam Pertumbuhan Ekonomi Dan Kebudayaan Kawasan", Kertas Kerja dibentangkan dalam Simposium Antarabangsa Kampong Ayer, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, 6-9 September 1996.
- ⁷⁴ Sila lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Kotamadya Banjarmasin: Kota Air Terbesar Di Pulau Borneo", dalam *Beriga*, Bil. 73, Oktober-Disember 2001, hal. 34-57.
- ⁷⁵ Sila lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Kampung Air Nelayan Tradisional Di Muara Sungai Kapuas, Kalimantan Barat, Indonesia: Satu Tinjauan", dalam *JATI*, Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Bil. 4, Ogos 1998, hal. 34-49.
- ⁷⁶ Sila lihat Yap Beng Liang, **Orang Bajau Pulau Omadal: Aspek-aspek Budaya**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1993.
- ⁷⁷ Sila lihat Clifford Sather, **The Bajau Laut: Adaption, History, and Fate in a Maritime Society of South-eastern Sabah**, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1997.
- ⁷⁸ Sila lihat Denny Sumitro Ribus, "Petempatan Kampung Air: Kajian Kes Di Kampung Panji Lahad Datu, Sabah", Tesis Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994/95.
- ⁷⁹ Sila lihat Samasuddin Lawe, "Petempatan Di Perkampungan Air: Kajian Kes Di Kampung Pangkalan Kunak, Sabah", Tesis Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1994/95.
- ⁸⁰ Sila lihat Zahra Yaacob, "Kelainan Ciri Perkembangan Dan Pembangunan Petempatan Kampung Ayer: Transformasi Sosial Komuniti Terpinggir Di Sabah", Kertas Kerja dibentangkan dalam Simposium Antarabangsa Kampong Ayer, Akademi Pengajian Brunei,

Universiti Brunei Darussalam, 6-9 September 1996.

⁸¹ Sila lihat Yasir Abdul Rahman, **Melanau Mukah: Satu Kajian Budaya**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1987.

⁸² Sila lihat Lihah Amat, "Konsep Dan Penghayatan Solat Lima Waktu: Satu Kajian Di Limbang, Sarawak", Tesis Sarjana Muda Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996/97.

⁸³ Sila lihat Normah Asmad, "Adat Perkahwinan Melayu Brunei Di Sarawak: Satu Kajian Di Limbang," Tesis Sarjana Muda Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1991/92.

⁸⁴ Sila lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Kampung-kampung Air Di Limbang Dan Lawas, Sarawak: Hubungannya Dengan Negara Brunei Darussalam", dalam Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Petempatan Kampung Air Di Pulau Borneo", Op. Cit., hal. 80-123.